GPI seharusnya memiliki pelbagai ilmu pengetahuan secara mendalam, terutama mendalami mata pelajaran yang diajar. Al-Abrāsyī (1976) dan al-Naḥlawī (1983) menekankan bahawa seseorang GPI perlu berusaha meningkatkan pengetahuan bidang ilmu yang diajar serta dapat menguasai pelbagai ilmu pengetahuan lain. Hal ini kerana seseorang GPI yang mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu akan lebih dipercayai dan dihormati oleh pelajarnya. Ibnu Khaldūn (2004) telah memperincikan ilmu kepada dua bahagian iaitu ilmu berdasarkan *naqlī*, iaitu ilmu berasaskan sumber wahyu, dan ilmu *ʻaqlī*, iaitu ilmu berasaskan sumber akal. Kedua-dua ilmu ini perlu dikuasai oleh setiap GPI. Maka peranan GPI dalam menguasai ilmu *naqlī* dan ilmu *ʻaqlī* seharusnya menjadi amalan kerana mereka akan memindahkan ilmu yang dimiliki kepada para pelajar.

Selain daripada menguasai ilmu yang berkaitan dengan isi kandungan pelajaran, para GPI juga perlu menguasai pedagogi iaitu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran mengajar yang meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar dengan berkesan, iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Kualiti modal insan GPI dibentuk bukan hanya untuk memiliki kefahaman kandungan pengajaran sahaja, malah perlu mempunyai daya inovasi dalam mendidik serta sikap yang profesional.

Ahmad Yunus Kasim dan Ab. Halim Tamuri (2010) telah menjelaskan bahawa pengetahuan pedagogi kandungan menekankan keupayaan guru mengolah kefahaman pengetahuan kandungan yang disampaikan kepada pelajar, keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami pelajar dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan pelajar. Sehubungan itu, guru perlu berkemampuan untuk melaksanakan metodologi pengajaran tilawah al-Quran, hafazan, kefahaman hadis, akidah, sirah, ibadah dan juga akhlak yang berbeza. Hal ini kerana setiap bidang ilmu ini mempunyai kandungan yang berbeza antara satu sama lain dan metodologi yang berbeza.

Di samping itu, GPI juga perlu memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang baik untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Sebagai suri teladan, GPI mesti mempunyai sahsiah yang unggul supaya mereka boleh dicontohi dan dihormati. Tingkah laku dan sikap GPI sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh pelajar-pelajar, bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau di dalam sekolah, malah juga ketika di luar kawasan sekolah (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

GPI yang berkualiti mampu untuk mendidik pelajar dan masyarakat kembali kepada agama Allah SWT dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sebagaimana didikan Rasulullah SAW yang menyeru manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah SWT, membersihkan hati-hati manusia daripada kesesatan serta mengajarkan ilmu pengetahuan dan hukum-hukum Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Jumu'ah (62: 2),

هُوَ ٱلَّذِى بَعَثَ فِى ٱلْأُمِّيِّينَ رَسُولاً مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَابَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُواْ مِن قَبْلُ لَفِى ضَلاَلٍ مُّبِينٍ

> Maksudnya
> Dialah yang telah mengutus dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.
>
> (Abdullah Muhammad Basmeih, 2001)

Menurut Sayyid Quṭb (2011), ayat ini berasaskan kaum *Ummi* (bangsa Arab yang buta huruf) yang diturunkan al-Quran dan seorang Rasul untuk mengangkat darjat mereka dan mengeluarkan mereka daripada kebutaan huruf, mengubah keadaan jiwa dan hidup mereka serta membezakan mereka dari umat-umat yang lain. Justeru, sebagai pewaris Nabi SAW, tugas GPI bukan sekadar mengajar atau mendidik di sekolah sahaja, malahan menjadi penyambung amanah Rasulullah SAW dalam berdakwah dan menyampaikan seruan ke arah keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT serta mengeluarkan manusia daripada belenggu kesesatan. Oleh itu, pemantapan kualiti dalam kalangan GPI perlu diusahakan dari segi kecemerlangan ilmu terutamanya ilmu agama, keupayaan berkomunikasi dengan berkesan, kebolehan untuk menjadi pendidik yang cemerlang dan mempunyai sahsiah yang unggul dan terpuji. Pendidikan yang juga merupakan medan dakwah, menuntut GPI untuk memiliki kualiti guru yang mempunyai rasa tanggungjawab yang lebih terhadap pelajar serta berintegriti dalam menjalankan tugas (Abd Ghafar Mahmud, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Pembangunan kualiti modal insan GPI menjadi keutamaan dalam agenda pemantapan sistem Pendidikan Islam negara. Peranan dan fungsi GPI merupakan aspek terpenting untuk melahirkan dan membangunkan modal insan yang seimbang dan bertepatan dengan kehidupan beragama (Mustapha Kamal Ahmad Kasim, Zahiah Haris & Abdullah Yusof, 2010). Berdasarkan beberapa kajian lepas, kualiti modal insan GPI terbahagi kepada empat komponen utama iaitu kualiti komunikasi, kualiti ilmu kandungan, kualiti profesionalisme yang berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran, serta kualiti sahsiah diri GPI itu sendiri (Ab. Halim Tamuri et. al., 2016; Ghazali Darussalam 2012; Noornajihan Jaafar, 2014). Keempat-empat kualiti tersebut telah digariskan oleh kebanyakan ulama Islam terdahulu seperti Imam al-Ghazālī (t.t.) dan Ibnu Khaldūn (2004). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan GPI di Malaysia masih mempunyai tahap kualiti yang rendah dalam kesemua komponen tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) mendapati kemahiran komunikasi dalam kalangan kebanyakan guru di sekolah masih rendah dan tidak selaras dengan tahap akademik mereka. Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah, dan Rahimi Che Aman (2009) juga mendapati kelemahan guru-guru di Malaysia dalam menguasai komunikasi lisan dan bukan lisan secara efektif sangat berkaitan dengan kesukaran mereka  menjelaskan sesuatu sebutan dengan betul, kelancaran dalam menyampaikan pengajaran, juga terbatas dengan penggunaan buku teks. Guru juga masih mempunyai masalah dalam intonasi, suara yang senada dan tidak menarik. Bagi aspek bukan lisan pula, ada guru yang tidak dapat menunjukkan eksperesi muka yang bersungguh-sungguh. Eksperesi muka adalah penting semasa menerangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


atau menggambarkan sesuatu untuk memahamkan pelajar (Nor Shafrin Ahmad et al., 2009).

Selain permasalahan kualiti komunikasi dalam kalangan GPI, mereka juga mempunyai kualiti yang tidak memuaskan dalam aspek ilmu pengetahuan. Masih terdapat dalam kalangan GPI yang belum begitu mahir menguasai ilmu kandungan khususnya yang berkaitan dengan ilmu *naqlī* dan ilmu *aqlī* (Habibah Ramlie, 2017). GPI masih lagi mempunyai pencapaian yang kurang memberangsangkan dari segi penguasaan ilmu tilawah al-Quran dan tajwid (Rashidah Md Hassan, 2017), qiraat dan taranum (Paharudin Arbain, Misnan Jemali, Ibrahim Hashim & Azmil Hashim, 2014), ilmu tamadun Islam (Rozita Che Mustapha, Ezad Azraai Jamsari, Norshahidah Zakaria & Norliyana Mohd Talib, 2011), ilmu bahasa Arab dan ilmu turath Islam (Noor Shamshinar Zakaria, Zetty Nurzuliana Rashed & Mohd Kamal Din, 2014) dan ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah (Nurul Asiah Fasehah Muhamad, 2015). GPI juga disaran untuk bertanggungjawab dengan ilmu yang dimiliki dan tidak wajar mengeluarkan hukum tanpa ilmu yang mendalam (Salbiah Mohamad Salleh, Mazzlida Mat Deli, Jamil Ahmad & Mohd Aderi Che Noh, 2016). Selain itu, seseorang GPI perlu mendalami dan menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya (Al-Naḥlawī, 1983; Ab. Halim Tamuri et al, 2012). GPI juga perlu menguasai ilmu semasa, terkini dan kontemporari dan bukan hanya terbatas kepada ilmu yang terkandung dalam silibus sahaja (Habibah Ramlie, 2017). Namun, kajian oleh Zanaton Iksan, Mohd Noor Saper dan Zetty Nurzuliana Rashed (2016) mendapati GPI kurang mampu untuk menguasai ilmu sains moden dan masih menunjukkan tahap yang sederhana terhadap ilmu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Ab. Halim Tamuri et al., 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di samping itu, GPI juga didapati masih tidak mengamalkan kualiti profesional dengan baik terutamanya dari sudut kaedah pengajaran dan pembelajaran. Mohd Kamal Hassan (2012) menyatakan cara mengajar GPI sering dianggap menjadi punca kepada kegagalan membentuk jiwa yang kental dalam diri umat Islam. Ab. Halim Tamuri et al. (2012) mendapati kualiti GPI yang kurang memuaskan berbanding dengan tuntutan agama Islam itu sendiri sangat berkait rapat dengan kelemahan penguasaan ilmu pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran. Kamarul Azmi Jasmi (2011) mendapati GPI masih kurang mahir mengajar, tidak kreatif dalam kaedah pengajaran dan mereka lebih banyak menggunakan pendekatan *chalk and talk* serta terlalu *text book centered* dan amat kurang sekali menggunakan pendekatan pengajaran yang terbaru. Mereka masih belum kreatif dalam menggunakan bahan pengajaran dan pendekatan pengajaran, malah tahap pengajaran mereka masih pada tahap sederhana (Mohd. Aderi Che Noh, Mohd Sofian Mat Ludin & Asmawati Suhid, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kelemahan kualiti sahsiah dalam kalangan GPI juga dibahaskan oleh kebanyakan pengkaji dalam bidang Pendidikan Islam. Mohd Kamal Hassan (2012) mengutarakan bahawa kelemahan penghayatan Islam dalam kalangan umat pada hari ini hasil daripada watak GPI yang tidak berkualiti. Hal ini disokong oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2012) yang mendapati rendahnya kualiti personaliti GPI telah mencalarkan imej agama Islam itu sendiri. Pandangan mereka dapat dibuktikan dengan beberapa kes jenayah yang melibatkan GPI yang telah dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan seperti penggunaan bahasa yang kesat, pertuduhan mencabul kehormatan, melakukan kelucahan melampau, jenayah seks (Farah Marshita Abdul Patah, 2018) dan sehinggalah kepada jenayah pembunuhan (Umavathi Ramayah, 2015). Menurut al-Attas (2015), kepincangan sahsiah umat Islam disebabkan sikap tidak bertanggungjawab, ketidakpatuhan kepada Allah SWT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam melakukan ibadah dan mengabaikan prinsip iman kepada Allah SWT yang telah menjadikan mereka insan yang tiada adab.

Pembentukan modal insan GPI yang berkualiti dalam setiap komponen yang diutarakan seharusnya melalui suatu proses latihan GPI yang cukup untuk mengukur tahap kesediaan mereka menjalankan tugas sebagai seorang GPI yang cemerlang (Ab. Halim Tamuri & Mohd Khairul Azman Ajuhary, 2010). KPM telah menyediakan latihan perguruan secara komprehensif dari sudut objektif program, isi kandungan program, keupayaan tenaga pengajar serta bahan sumber dan infrastruktur (Lokman Mohd Tahir & Kalsom Saleh, 2011).

Menurut Abdul Ghani Kanesan Abdullah, Aziah Ismail, Abdul Rashid Mohamad, Nor Shafrin Ahmad dan Fadillah Amzah (2007), tadbir urus IPT perlu peka terhadap program-program akademik dan latihan yang ditawarkan agar seiring dengan peranan mereka dalam menyediakan modal insan guru yang memenuhi tuntutan pasaran. Namun, Noor Hisham Md Nawi (2012) menyatakan struktur latihan GPI di kebanyakan IPT di Malaysia masih menurut acuan Barat yang memberi kesukaran untuk melahirkan para pendidik yang memiliki kualiti *ta'dib*, *tarbiyyah* dan *ta'lim.* Kenyataan ini disokong oleh dapatan penilaian *Malaysian Qualification Agency* (MQA) terhadap program latihan GPI di IPG yang mendapati kandungan kursus latihan GPI yang sedia ada perlu ditambah baik (IPG Kent, 2014). Malahan, terdapat GPI yang kurang mendapat pendedahan dan latihan yang khusus dalam subjek kurikulum ilmu agama, penggunaan bahan sumber dan teknologi serta pelaksanaan pedagogi menyebabkan kualiti GPI dipersoalkan (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015; Mohd Faeez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed & Murihah Abdullah, 2016; Rozita Che Mustapha et. al. 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, kelayakan dan kepakaran pensyarah juga menjadi isu penting dalam sistem latihan GPI di Malaysia. Dapatan penilaian MQA menekankan penambahbaikan kelayakan pensyarah yang mengajar di IPG perlu dipertingkatkan kerana ia memberi impak kepada pembangunan GPI yang berkualiti (IPG Kent, 2014). Keupayaan pensyarah mengendalikan kursus, gaya persembahan teknik atau kaedah penyampaian dan pengajaran yang digunakan perlu dititik beratkan semasa mengendalikan kursus (Bagiyono, 2012; Mohd Azmi Mat Yusoff et al., 2016).

Di samping itu, faktor kemudahan prasarana dan utiliti juga menjadi isu penting di IPT. Juliana Osong, Norafidah Noralidin, Widayati Harun, Ravi Margapandu dan Shukiman (2015) dan Syed Khalid Syed Idrus (2018), menyatakan guru pelatih di IPG tidak berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan seperti penyediaan kemudahan bilik kuliah, kebolehfungsian peralatan pembelajaran dan tahap kelajuan dan capaian internet di kampus IPG. Menurut Zahiah Haris dan Mustapha Kamal Ahmad Kassim (2011), perhatian kepada infrastruktur seperti kemudahan internet, bahan bacaan terkini di pusat sumber, komputer dan LCD di dalam semua bilik kuliah oleh pihak pentadbir di semua IPT hendaklah diutamakan kerana ianya bertujuan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan secara mudah dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor prestasi GPI juga menjadi tumpuan dalam melahirkan GPI yang berkualiti tinggi. Dapatan penilaian MQA menunjukkan kemampuan GPI memberi sumbangan kepada agama dan masyarakat masih perlu diperbaiki (IPG Kent, 2014). Menurut Noraini Idris et al. (2012), dapatan daripada pentadbir sekolah menunjukkan pelatih GPI yang menjalani praktikum kurang peramah dan keberatan untuk membantu dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Mereka juga dilihat kurang persediaan diri dengan ciri-ciri profesional. Justeru, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fatimah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sahida Abdulrajak (2018) menyimpulkan bahawa tidak semua GPI yang telah selesai latihan dapat menterjemah dan mengamalkan apa yang telah mereka perolehi dalam program latihan apabila berada di sekolah.

Tambahan pula, faktor demografi juga memainkan peranan penting dalam keberkesanan latihan dan kualiti modal insan GPI. Terdapat beberapa kajian menunjukkan tiga faktor utama iaitu jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan latihan, kakitangan pengurusan, fakulti, kurikulum dan kemudahan yang disediakan (Butta & Rehman, 2010; Le Blanc & Nyugen, 1997; Suarman, 2015; Syed Khalid Syed Idrus, 2018). Faktor demografi juga memberi kesan kepada pembangunan kualiti GPI terutamanya dari sudut  penguasaan ilmu, kemahiran komunikasi, sahsiah, kemahiran psikologi, budaya keilmuan, kaedah pengajaran, personaliti diri, motivasi dan persekitaran guru (Ab. Halim Tamuri, 2016; Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti sejauh mana keberkesanan program latihan GPI yang dilaksanakan di IPG dan universiti dapat memberi kesan untuk melahirkan modal insan GPI yang berkualiti. Pembangunan kualiti modal insan GPI adalah faktor penting dalam menggerak kecemerlangan Pendidikan Islam negara terutamanya dalam menghasilkan umat Islam yang unggul ke arah keredaan Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti persepsi GPI novis terhadap keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi).
2. Mengenal pasti persepsi GPI novis terhadap kualiti modal insan GPI *(malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah).*
3. Menganalisis perbezaan keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi) dalam kalangan GPI novis berdasarkan jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Menganalisis perbezaan kualiti modal insan GPI (*malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*) dalam kalangan GPI novis berdasarkan jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik.
5. Menentukan pengaruh keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi) terhadap kualiti modal insan (*malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*) dalam kalangan GPI novis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah persepsi GPI novis terhadap keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi)?
2. Apakah persepsi GPI novis terhadap kualiti modal insan GPI (*malakah lisāniyyah, malakah ʿilmiyyah, malakah ṣināʿiyyah, malakah al-ṭāʿah* dan *malakah imāniyyah*)?
3. Adakah terdapat perbezaan keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi) dalam kalangan GPI novis berdasarkan jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik?
4. Adakah terdapat perbezaan kualiti modal insan GPI (*malakah lisāniyyah, malakah ʿilmiyyah, malakah ṣināʿiyyah, malakah al-ṭāʿah* dan *malakah imāniyyah*) dalam kalangan GPI novis berdasarkan jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik?
5. Adakah terdapat pengaruh keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi) terhadap kualiti modal insan (*malakah lisāniyyah, malakah ʿilmiyyah, malakah ṣināʿiyyah, malakah al-ṭāʿah* dan *malakah imāniyyah*) dalam kalangan GPI novis?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.6 Hipotesis Kajian

Merujuk kepada persoalan kajian yang telah dikemukakan, hipotesis-hipotesis nul telah dibentuk untuk menguji kebenaran dalam kajian ini adalah seperti berikut,

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi) dalam kalangan GPI novis berdasarkan jantina.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi) dalam kalangan GPI novis berdasarkan tempat pengajian.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan latihan GPI (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi) dalam kalangan GPI novis berdasarkan pencapaian akademik.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kualiti modal insan (*malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*) dalam kalangan GPI novis berdasarkan jantina.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kualiti modal insan (*malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*) dalam kalangan GPI novis berdasarkan tempat pengajian.
6. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kualiti modal insan (*malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*) dalam kalangan GPI novis berdasarkan pencapaian akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


7. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan sistem pengurusan latihan terhadap *malakah lisāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
8. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan sistem pengurusan latihan terhadap *malakah ʻilmiyyah* dalam kalangan GPI novis.
9. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan sistem pengurusan latihan terhadap *malakah ṣināʻiyyah* dalam kalangan GPI novis.
10. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan sistem pengurusan latihan terhadap *malakah al-ṭāʻah* dalam kalangan GPI novis.
11. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan sistem pengurusan latihan terhadap *malakah imāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
12. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kepada pensyarah terhadap *malakah lisāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
13. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kepada pensyarah terhadap *malakah ʻilmiyyah* dalam kalangan GPI novis.
14. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kepada pensyarah terhadap *malakah ṣināʻiyyah* dalam kalangan GPI novis.
15. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kepada pensyarah terhadap *malakah al-ṭāʻah* dalam kalangan GPI novis.
16. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kepada pensyarah terhadap *malakah imāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
17. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kemudahan utiliti latihan terhadap *malakah lisāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
18. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kemudahan utiliti latihan terhadap *malakah ʻilmiyyah* dalam kalangan GPI novis.
19. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kemudahan utiliti latihan terhadap *malakah ṣināʻiyyah* dalam kalangan GPI novis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


20. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kemudahan utiliti latihan terhadap *malakah al-ṭāʻah* dalam kalangan GPI novis.
21. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan kepuasan kemudahan utiliti latihan terhadap *malakah imāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
22. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi pembelajaran terhadap *malakah lisāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
23. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi pembelajaran terhadap *malakah ʻilmiyyah* dalam kalangan GPI novis.
24. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi pembelajaran terhadap *malakah ṣināʻiyyah* dalam kalangan GPI novis.
25. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi pembelajaran terhadap *malakah al-ṭāʻah* dalam kalangan GPI novis.
26. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi pembelajaran terhadap *malakah imāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
27. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi individu terhadap *malakah lisāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
28. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi individu terhadap *malakah ʻilmiyyah* dalam kalangan GPI novis.
29. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi individu terhadap *malakah ṣināʻiyyah* dalam kalangan GPI novis.
30. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi individu terhadap *malakah al-ṭāʻah* dalam kalangan GPI novis.
31. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi individu terhadap *malakah imāniyyah* dalam kalangan GPI novis.
32. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi organisasi terhadap *malakah lisāniyyah* dalam kalangan GPI novis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


33. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi organisasi terhadap *malakah ʻilmiyyah* dalam kalangan GPI novis.
34. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi organisasi terhadap *malakah ṣināʻiyyah* dalam kalangan GPI novis.
35. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi organisasi terhadap *malakah al-ṭāʻah* dalam kalangan GPI novis.
36. Tidak terdapat pengaruh yang signifikan prestasi organisasi terhadap *malakah imāniyyah* dalam kalangan GPI novis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.7 Kerangka Konseptual Kajian.




*Rajah 1.1.* Kerangka konseptual kajian. Adaptasi daripada Teori Malakah Ibnu Khaldūn (2004) & Model Latihan Kirkpatrick (1996).

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang terdiri daripada pemboleh-pemboleh ubah yang diukur dalam kajian ini yang terbahagi kepada dua komponen utama. Dua komponen utama dalam kajian ini ialah keberkesanan latihan GPI berdasarkan Model Latihan Kirkpatrick (1996) dan kualiti modal insan GPI berdasarkan Teori Malakah Ibnu Khaldūn (2004).

Kajian ini menggunakan Teori Malakah Ibnu Khaldūn sebagai landasan teori kajian kerana teori tersebut bertepatan dengan hasrat KPM melalui PPPM 2013-2025 dalam mewujudkan modal insan guru yang berkualiti melalui latihan perguruan. Antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ciri-ciri modal insan guru berkualiti yang ingin dibangunkan oleh KPM adalah guru yang mempunyai sikap penyayang dan sabar terhadap pelajar, mempunyai sahsiah yang dapat dijadikan suri teladan, mempunyai pengetahuan kandungan yang mendalam dan dapat melaksanakan pengajaran yang menarik dan berkesan (Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan, 2018). Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan Teori Malakah Ibnu Khaldūn kerana setiap *malakah* yang diutarakan amat bertepatan dengan ciri-ciri kualiti modal insan guru yang digariskan dalam laporan PPPM 2013-2025.

Teori Malakah Ibnu Khaldūn ditentukan berdasarkan lima pemboleh ubah iaitu *malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah* (Muhammad Uthman el-Muhammady, 2008). Teori Malakah Ibnu Khaldun tersebut diharmonikan dengan komponen Model Latihan Kirkpatrick sebagai pelengkap kepada keberkesanan latihan yang merangkumi enam pemboleh ubah iaitu kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi (Siti Fardaniah Abdul Aziz, 2013).

Selain itu, kerangka konseptual kajian ini juga menilai kesan faktor demografi yang terdiri daripada jantina, tempat pengajian dan pencapaian akademik. Ketiga-tiga faktor demografi diukur untuk melihat perbezaannya terhadap kesemua pemboleh ubah dalam kedua-dua komponen. Faktor jantina diukur untuk menilai perbezaan di antara GPI novis lelaki dan perempuan, faktor tempat pengajian diukur untuk menilai perbezaan GPI novis keluaran IPG dan universiti, manakala faktor pencapaian akademik diukur untuk menilai pencapaian berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) GPI novis mengikut kelas kepujian pertama, kedua atas dan kedua bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.8 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan mengapa kajian ini perlu dijalankan. Ia berkait rapat dengan kepentingan praktikal dan teoritikal. Secara praktikal kepentingan kajian ini berkait rapat dengan KPM, IPG, universiti, sekolah, guru dan pelajar. Manakala kepentingan teoritikal berkait dengan model latihan GPI yang dihasilkan.

Kepentingan praktikal kajian ini dapat digunakan oleh KPM, IPG dan universiti untuk memperbaiki latihan GPI yang akan datang sama ada dari segi perancangan, penggunaan sumber atau pengurusan maklumat. Kajian ini dapat membuktikan keberkesanan latihan GPI yang dikendalikan oleh IPG dan universiti dari segi pembangunan latihan GPI secara berterusan selari dengan keperluan program latihan GPI pada masa kini berdasarkan hasrat KPM melalui PPPM 2013-2025 dalam meningkatkan profesion perguruan negara. Hasil kajian ini dan pendekatannya akan dapat membantu KPM, IPG dan universiti bagi merancang penyelidikan lain di masa hadapan. Dengan ini pendekatan penyelidikan dan arah tuju penyelidikan akan datang dapat diperbaiki berasaskan kepada pendekatan dan penemuan hasil kajian yang lalu. Hal ini bermakna ilmu yang terkumpul dari hasil kajian akan dapat dibina di atas satu sama lain untuk mengembangkan ilmu tersebut. Laporan kajian ini juga akan bertindak sebagai alat keperluan program latihan GPI bagi KPM, IPG dan universiti kepada sekolah, guru, pelajar serta masyarakat. Masyarakat yang membaca kajian ini akan dapat meningkatkan pengetahuan dan minat mereka terhadap latihan GPI yang dikendalikan oleh IPG dan universiti di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi aspek teoritikal pula, kajian ini akan dapat memenuhi tujuan pembentukan model latihan GPI melalui penilaian yang dibuat berpandukan Model Latihan Kirkpatrick (1996), iaitu dapat melengkapkan kitaran proses perencanaan program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dari sudut kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi terhadap kualiti modal insan GPI yang diutarakan oleh Ibnu Khaldūn (2004) melalui Teori Malakah iaitu *malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*. Melalui model latihan GPI yang dibina dapat mengenal pasti sumbangan latihan GPI di Malaysia terhadap setiap *malakah* yang diutarakan. Hal ini akan menjamin perancangan yang berkesan untuk mencapai objektif latihan GPI. Hasil kajian akan dapat menentukan kepentingan kewujudan latihan GPI di IPG dan universiti. Dengan ini latihan GPI di IPG dan universiti dipandang penting dalam memperkasakan sistem Pendidikan Islam di Malaysia. Hasil penilaian ini akan dapat membantu organisasi membuat keputusan sama ada untuk meneruskan latihan GPI yang sedia ada atau memperbaikinya pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan-batasan seperti berikut

1. Kajian ini menilai latihan GPI yang dikendalikan oleh IPG dan universiti sahaja.
2. Kajian ini dijalankan di seluruh Malaysia iaitu merangkumi GPI novis yang mula berkhidmat pada tahun 2015, 2016 dan 2017.
3. Fokus utama kajian ini adalah mengenai keberkesanan latihan GPI di IPG dan universiti dengan menggunakan Model Latihan Kirkpatrick yang merangkumi empat tahap penilaian iaitu reaksi (kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah dan kepuasan kemudahan utiliti latihan), pembelajaran (prestasi pembelajaran), perlakuan (prestasi individu) dan hasil (prestasi organisasi), serta kualiti modal insan GPI melalui Teori Malakah Ibnu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Khaldūn yang merangkumi lima aspek *malakah* iaitu *malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*.

4. Sampel kajian terdiri daripada GPI novis yang pernah mengikuti latihan pra perkhidmatan di IPG dan universiti. Mereka perlu berkhidmat sekurang-kurangnya enam bulan selepas tamat pengajian dalam latihan GPI tersebut. Data dan maklumat yang akan dikumpulkan terhad kepada aspek-aspek keberkesanan latihan yang dikemukakan oleh Model Latihan Kirkpatrick dan Teori Malakah Ibnu Khaldūn.

## 1.10 Definisi Operasi Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua komponen utama dalam kajian ini iaitu keberkesanan latihan GPI dan kualiti modal insan GPI yang menggunakan dua kerangka iaitu Model Latihan Kirkpatrick (1996) dan Teori Malakah Ibnu Khaldūn (2004). Terdapat enam pemboleh ubah dalam komponen keberkesanan latihan GPI iaitu kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi. Manakala komponen kualiti modal insan GPI pula terdiri daripada lima pemboleh ubah iaitu *malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.10.1 Latihan Guru Pendidikan Islam

Latihan merupakan pelaburan oleh organisasi terhadap pekerjanya bagi memastikan pembangunan modal insan yang berdaya saing dan berkualiti (Kamaruzzaman Abd. Manan et al., 2013). Kajian ini menumpukan latihan GPI yang dilaksanakan di IPG dan universiti untuk membangunkan kualiti modal insan GPI di Malaysia. Bagi mengukur dan menilai latihan GPI secara menyeluruh, satu model yang komprehensif diperlukan. Oleh itu, kajian ini menggunakan Model Latihan Kirkpatrick (1996) yang mengandungi empat tahap penilaian latihan iaitu tahap reaksi yang menilai kepuasan latihan, tahap pembelajaran yang menilai prestasi pembelajaran, tahap perlakuan yang menilai prestasi individu dan tahap hasil yang menilai prestasi organisasi. Keempat-empat tahap ini dijadikan sebagai pemboleh ubah dan setiap item dalam pemboleh ubah tersebut diadaptasi melalui kajian-kajian lepas (Azahari Ismail, Rosmah Mohamed & Shamsuddin Ahmad, 2011; Homklin, 2014; Kirkpatrick, 1996; Kirkpatrick & kirkpatrick, 2016; Siti Fardaniah Abdul Aziz, 2013). Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan enam pemboleh ubah untuk mendefinisikan keberkesanan latihan GPI iaitu kepuasan sistem pengurusan latihan, kepuasan kepada pensyarah, kepuasan kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.2 Guru Novis Pendidikan Islam (GPI Novis)

GPI ialah guru yang memperolehi ikhtisas perguruan sama ada di peringkat diploma atau sarjana muda bagi mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam meliputi Tilawah al-Qur’an, Hafazan, Tajwid, Sirah, Tauhid, Akhlak dan Fekah (Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). GPI novis pula adalah GPI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


permulaan yang ditempatkan di sekolah setelah tamat menjalani latihan GPI sama ada di IPG atau universiti. GPI novis juga perlu menamatkan tempoh perkhidmatan selama satu hingga tiga tahun sebelum dipertimbangkan untuk disahkan dalam jawatan tetap. Menerusi konteks kajian ini, GPI novis yang mula berkhidmat pada tahun 2015, 2016 dan 2017 seluruh Malaysia dijadikan sebagai sampel kajian untuk mengenal pasti persepsi mereka berkaitan latihan GPI yang dilaksanakan di IPG dan universiti dalam membangunkan kualiti modal insan mereka. Pemilhan GPI novis dalam lingkungan tahun perkhidmatan tersebut kerana mereka merupakan guru yang berkhidmat di bawah tiga tahun dan penilaian keberkesanan latihan sesuai dilaksanakan kerana mereka belum dipengaruhi faktor-faktor lain seperti pengalaman bekerja.

### 1.10.3 Kualiti Modal Insan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kualiti modal insan guru menurut perspektif Islam ialah satu keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh seorang guru dari segi komunikasi yang berkesan, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab bersama yang diamanahkan bagi meningkatkan kemakmuran bagi manusia dan alam seluruhnya (Zahiah Haris & Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2011). Berdasarkan kajian ini, modal insan GPI ditakrifkan melalui lima aspek *malakah* seperti mana yang digariskan oleh Ibnu Khaldūn (2004) iaitu *malakah lisāniyyah, malakah ʻilmiyyah, malakah ṣināʻiyyah, malakah al-ṭāʻah* dan *malakah imāniyyah.* Kelima-lima *malakah* yang diutarakan oleh Ibnu Khaldūn ini menjadi pemboleh ubah dalam kajian ini bagi menilai kualiti modal insan GPI di Malaysia. Kelima-lima malakah ini bertepatan dengan hasrat KPM dalam meningkatkan kualiti modal insan guru di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.11 Penutup

Bab ini telah membincangkan dengan panjang lebar berkenaan perkara-perkara asas yang menjadi tunjang kepada kajian yang dijalankan. Secara kesimpulannya, bab ini membincangkan perbahasan yang meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif dan tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian. Semua perbahasan pada bab ini merupakan kerangka asas kajian yang mendorong kepada pelaksanaan kajian ini. Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan program latihan GPI di Malaysia bagi mengenal pasti pengaruhnya terhadap kualiti modal insan GPI berdasarkan Model Latihan Kirkpatrick dan Teori Malakah Ibnu Khaldūn.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi